

**Pembangkang terdesak cari pemimpin
Utusan Online
Ogos 03, 2011**

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Parti pembangkang kini terdesak mencari pemimpin berkelayakan sebagai ketua setelah penyandanginya, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lagi dilihat mampu meraih sokongan rakyat untuk menghadapi pilihan raya umum yang semakin hampir.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, Anwar menjadi liabiliti kepada Pas dan DAP dan Ketua Pembangkang itu tidak boleh menggalas tugas yang lebih besar sekiranya diberi mandat mentadbir negara.

"Pembangkang bimbang liabiliti Anwar akan menghakis sokongan rakyat kepada mereka, jadi mereka perlu bertindak segera untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Tidak ada tokoh lain dalam Pas, DAP atau PKR yang boleh menjadi faktor penyatu masyarakat berbilang kaum kerana perjuangan mereka mementingkan kaum, maka mereka terpaksa mencari orang luar yang lebih berpengalaman seperti Tengku Razaleigh," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Ahli Parlimen Bayan Baru, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim bahawa Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah atau Ku Li telah dipelawa memegang jawatan Ketua Pembangkang sebagai persediaan jika Anwar disabitkan bersalah dalam kes liwat yang dihadapinya ketika ini.

Mohd. Puad berkata, pembangkang kini gentar dengan pendekatan Barisan Nasional (BN) melalui imej penyatuan dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mampu menarik parti-parti politik lain menjadi 'kawan BN' seperti Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) dan Makkal Sakti.

"Mereka perlu mencari pemimpin yang sepadan dengan pemimpin BN, Anwar sudah jauh tertinggal ke belakang untuk bersaing menjadi Perdana Menteri, oleh itu mereka perlukan orang seperti Ku Li berdasarkan pengalaman beliau ketika memimpin Angkatan Perpaduan Ummah (APU)," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Puad berkeyakinan Ku Li akan menolak pelawaan itu kerana beliau ialah seorang pemimpin matang berdasarkan pengalaman politik ketika Semangat 46 membuat pakatan dengan DAP dan Pas dahulu.

"Berdasarkan pengalaman pahit yang dilalui itu, beliau akan berfikir panjang untuk menerima pelawaan tersebut dan akan lebih berhati-hati," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0804&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm